

23 MAY 1997

Mahathir-Everest

PERDANA MENTERI BANGGA KEJAYAAN MENAWAN EVEREST

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berada di London mengucapkan tahniah dan menyatakan rasa bangga kerana pendaki Malaysia berjaya menawan Gunung Everest hari ini.

"Saya berasa bangga (kerana pendaki Malaysia) sudah sampai (ke puncak Everest) ... usaha kita akhirnya mencapai kejayaan," katanya menerusi perbualan telefon dengan krew RTM yang melaporkan kejayaan itu dari Kem Pangkalan Gunung Everest.

Dua pendaki negara, N.Mohandas, 35, dan M.Magendran, 33, menjadi wira negara menakluki puncak setinggi 8,848m itu setelah memulakan penerokaan mengharungi salji tebal, angin kencang dan suhu di bawah paras beku sejak 1 Mac.

Perbualan Dr Mahathir itu disiarkan secara langsung melalui Televisyen Malaysia tengah hari tadi. Perdana Menteri mulanya ingin bercakap dengan Mohandas dan Magendran tetapi usaha untuk menyambungkannya kepada mereka gagal.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada semua anggota pasukan walaupun tidak sampai ke puncak, kerana usaha gigih mereka membawa nama baik kepada negara.

Dr Mahathir juga meminta supaya menyampaikan salam beliau kepada pendaki-pendaki negara dan menasihatkan mereka agar berhati-hati dan jangan tergopoh-gapah apabila turun dari puncak itu.

Perdana Menteri dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di London untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia semasa cutinya selama dua bulan.

Dr Siti Hasmah yang turut bercakap dalam perbualan itu juga mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pendaki.

"Saya rasa bangga kerana dapat juga orang Malaysia mendaki ke puncak (Everest)," katanya sambil menambah kata bahawa pendaki-pendaki lain boleh mencuba pada masa akan datang.

Ketua ekspedisi Projek Malaysia-Everest '97 Noramlee Sulaiman, yang bercakap dari Kem Pangkalan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan bagi semua pendaki kepada Perdana Menteri atas sokongannya terhadap projek itu.

Projek itu diilham dan dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 4 Jun tahun lepas. Dr Mahathir turut menyerahkan bendera Malaysia kepada kumpulan pendaki itu pada 28 Feb lalu, sehari sebelum mereka berlepas ke Nepal.

Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang turut bangga dengan kejayaan itu, berkata kejayaan itu membuktikan rakyat Malaysia mampu apa yang dihasrat asalkan ada kesungguhan, disiplin dan bekerja sebagai satu pasukan.

"Alhamdulillah, saya dan keluarga bersyukur kerana tercapai hasrat (menawan puncak Everest). Ini membuktikan bahawa Malaysia boleh," kata beliau ketika ditemuramah oleh RTM di kediamannya.

Katanya, kejayaan itu juga merupakan suatu permulaan yang cukup bermakna terutama sebagai perangsang kepada golongan muda-mudi untuk menyertai kegiatan seumpama itu.

Anwar berkata pasukan pendaki Everest akan dilantik untuk mengetuai kumpulan-kumpulan anak-anak muda negara dalam kegiatan ekspedisi dan pengembaraan yang lain.

-- BERNAMA

TM AHH

